

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

Penggunaan rokok elektronik melonjak 600 peratus

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023

Sejuta penduduk Malaysia alami kemurungan

Putrajaya: Terdapat peningkatan ketara, iaitu sebanyak 600 peratus terhadap penggunaan rokok elektronik di negara ini dengan 5.8 peratus pengguna dikenali pada 2023 berbanding 0.8 peratus pada 2011.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata data itu didedahkan dalam Global Adult Tobacco Survey (GATS), iaitu tinjauan isi rumah peringkat kebangsaan yang juga dilakukan di lebih 30 negara berpendapatan rendah dan sederhana yang dibebani penggunaan tinggi tembakau.

Perbandingan data itu dibuat antara 2011 dan 2023 dengan selang masa 12 tahun.

"Selain itu, seramai 4.8 juta orang atau 19 peratus penduduk dewasa negara ini adalah perokok tembakau dengan 3.7 juta atau 14.6 peratus golongan dewasa itu merokok setiap hari.

"Bagi pengguna dwiguna, iaitu tembakau dan rokok elektronik didapati sebanyak 3.9 peratus golongan dewasa negara ini menggunakannya dengan ia menunjukkan peningkatan 400 peratus berbanding tempoh sama, pengguna dwiguna hanya 0.8 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mendedahkan penemuan utama Hasil Penyelidikan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) serta GATS di Kementerian Kesihatan (KKM) semalam.

Yang hadir sama Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Dr Dzulkefly berkata, penggunaan rokok elektronik itu juga menunjukkan lonjakan membimbangkan dengan pertambahan bilangan perokok itu daripada kalangan usia lebih ramai, iaitu 8.6 peratus prevalens bagi usia 15 hingga 24 tahun.

"Bagi usia 25 hingga 44 tahun pula sebanyak 7.1 peratus bilangan pengguna rokok elektronik diikuti usia 45 hingga 64 tahun (2.8 peratus) dan usia 65 tahun ke atas sebanyak 0.7 peratus.

"Faktor yang menyumbang kepada mereka terjebak dengan rokok elektronik ialah peranti itu tersedia dalam perisa digemari, persepsi rokok elektronik kurang memudaratkan berbanding tembakau dan ia mudah didapati," katanya.

Seramai 3.6 juta pula hidap penyakit tidak berjangkit

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendedahkan sejuta atau bersamaan 4.6 peratus penduduk Malaysia berusia lebih 15 tahun mengalami kemurungan.

Menyerusi penemuan utama daripada tinjauan dilakukan, jumlah itu menunjukkan peningkatan dua kali ganda berbanding 2019 dengan masalah terbabit lebih tinggi dalam kalangan mereka yang berusia 16 hingga 29 tahun.

Tinjauan juga menunjukkan hampir separuh daripada jumlah itu berfikir untuk mencebarkan diri sendiri atau membunuh diri.

Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak pula menyaksikan peningkatan daripada 7.9 peratus pada 2019 kepada 16.5 peratus pada 2023 dengan satu daripada enam kanak-kanak mengalami masalah berkenaan.

NHMS 2023 turut mendedahkan 46 peratus kanak-kanak terbabit mengalami masalah dengan rakan sebaya, masalah tingkah laku (25 peratus), masalah



Dr Dzulkefly melawat pameran selepas melancarkan NHMS 2023, di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

emosi (17 peratus) dan hiperaktif (8 peratus).

Mengenai penyakit tidak berjangkit (NCD), NHMS 2023 menunjukkan hampir 3.6 juta penduduk negara ini atau bersamaan 15.6 peratus menghidap kencing manis, tekanan darah tinggi (6.7 juta) dan kolesterol tinggi (7.5 juta).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata tinjauan mendapati sebahagian besar daripada mereka yang menghidap penyakit kencing manis, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi yang tidak didiagnosis tergolong dalam golongan berusia lebih muda.

"Penemuan itu amat membimbangkan kerana penyakit tidak

berjangkit yang tidak didiagnosis boleh menyebabkan komplikasi kesihatan yang lebih cepat kepada golongan berkenaan," katanya pada majlis pelancaran NHMS 2023, di sini, semalam.

Trend obesiti berterusan

Selain itu, lebih 500,000 dewasa atau merangkumi 2.5 peratus dewasa di Malaysia menghidap empat penyakit tidak berjangkit iaitu kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi dan obesiti.

Malah, ada peningkatan berterusan dalam trend berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan dewasa, melonjak hampir 10 peratus dalam tempoh satu de-

kad, daripada 44.5 peratus pada 2011 kepada 54.4 peratus pada 2023.

Mengenai penggunaan jagaan pesakit luar, dapatan tinjauan NHMS 2023 menunjukkan trend peningkatan daripada 8.1 peratus pada 2019 kepada 12.5 peratus pada tahun lalu.

Bagaimanapun, trend penggunaan perkhidmatan jagaan pesakit luar di fasiliti kerajaan merekodkan penurunan daripada 64.2 peratus pada 2019 kepada 48.9 peratus pada 2023.

Ini menunjukkan peningkatan dalam penggunaan perkhidmatan jagaan pesakit luar swasta dalam kalangan penduduk Malaysia berbanding empat tahun lalu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Tempatkan segera doktor pelatih

SHAH ALAM – Isu kekurangan doktor yang didakwa berlaku di sebuah hospital di Kulim, Kedah baru-baru ini sehingga tular di media sosial mendapat perhatian segera Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad yang mahu supaya doktor pelatih segera ditempatkan di premis kesihatan yang memerlukan.

Menurut Dr. Dzulkefly, dia juga sudah mengarahkan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan supaya doktor pelatih segera dihantar kembali ke hospital-hospital daerah yang memerlukan susulan isu kekurangan doktor yang berlaku.

"Saya amat sedar dan insaf dengan keluhan para petugas saban hari dan minggu. Namun ditegaskan, saya telah mengarahkan Datuk Ketua Pengarah Kesihatan supaya segera menempatkan kembali doktor pelatih ke hospital-hospital daerah yang memerlukan.

"Langkah-langkah tambah baik jangka sederhana dan panjang juga sedang dilaksanakan," katanya dalam satu hantaran di platform X semalam.

Beliau sebelum itu mengulas mengenai isu sebuah hos-




DZULKEFLY

pital di utara tanah air yang mendakwa mengalami masalah kekurangan doktor sehingga pesakit terpaksa menunggu sehingga lima jam untuk mendapatkan rawatan.

Menurut sebuah notis tular di aplikasi X, doktor di hospital berkenaan juga mendakwa terpaksa bekerja lebih masa sehingga jatuh sakit.

"Harap maaf, kami mengalami masalah kekurangan doktor. Masa menunggu mungkin sampai lima jam. Doktor kami bekerja sampai hendak pengsan dan ada yang sakit pun masih bekerja.

"Malah, ada yang sudah letak jawatan dan bekerja di (hospital) swasta," tulis notis tersebut.



NOTIS di sebuah hospital mengenai kekurangan doktor yang tular di media sosial sejak kelmarin.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NEGARA

Lima lagi kes strok haba di Terengganu

KUALA TERENGGANU – Sebanyak lima lagi kes strok haba dan kelesuan haba disebabkan cuaca panas direkodkan di Terengganu dalam tempoh dua minggu lalu.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, penambahan kes itu menjadikan keseluruhan 10 kes strok haba dan kelesuan haba berlaku di negeri ini sejak bulan April lalu.

"Kes terakhir berlaku pada 8 Mei lalu dan mangsa telah menerima rawatan di klinik kesihatan.

"Lima kes strok haba dan kelesuan haba terbaharu ini kebanyakannya melibatkan buhuh binaan dan pekerja ladang yang banyak terdedah dengan cuaca panas," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Kasemani berkata, kesemua mereka telah sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing setelah sebahagian mereka mendapatkan rawatan di hospital antara satu dan dua hari.

Dalam perkembangan sama, beliau menasihatkan orang

ramai yang mengalami gejala pening, loya dan muntah agar mendapatkan rawatan dengan segera bagi mengelakkan implikasi kesihatan yang lebih teruk.

"Jika dibiarkan tanpa sebarang rawatan, pesakit berisiko kehilangan air badan yang banyak, sekali gus menyebabkan kekejangan otot, kelesuan haba dan strok haba apabila suhu badan meningkat melebihi 40 darjah Celsius.

"Ini sangat berbahaya terutama kepada warga emas, pesakit kronik dan kanak-kanak kerana strok haba boleh membawa kepada komplikasi kematian," katanya.

Sehubungan itu, Kasemani menasihatkan orang ramai agar menghadkan aktiviti luar ketika musim panas.

Sebaliknya beliau berkata, mereka perlu memakai pakai topi atau payung sekiranya keluar rumah.

"Minum air masak secukupnya bagi memastikan cecair dalam tubuh mencukupi serta kurangnya pengambilan minuman berkafein," ujarnya.



ORANG ramai dinasihatkan minum air secukupnya bagi mengelak menjadi mangsa strok haba ketika cuaca panas. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

4 NASIONAL

SINAR HARIAN • JUMAAT 17 MEI 2024

TELLUS & TELLUS
Sinar TANGKIA
Harlan
TELLUS & TULLUS • MATA

Air kotor ancam fungsi organ manusia

Jika terdedah kepada penggunaan air tangki kotor dalam jangka masa panjang

SHAH ALAM

Manusia berisiko berhadapan dengan gangguan fungsi organ tubuh jika terdedah kepada penggunaan air tangki kotor dalam jangka masa panjang.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, tangki air tidak diselenggara mengikut tempoh yang ditetapkan menyebabkan kewujudan benda asing seperti karat, kuman, tanah dan organisma lain termasuk cacing.

Menurutnya, ia memberi kesan kepada tubuh badan malah pendedahan terhadap air karat berisiko mengakibatkan penyakit kronik terutama gangguan fungsi darah, buah pinggang dan hati.

"Air tangki yang berkarat akan menyebabkan rasa dan bau air itu kurang enak.

"Jika seseorang menggunakan air karat dalam jangka masa panjang, mungkin berlaku ke-



ZAINAL ARIFFIN

Mereka yang memiliki tangki simpanan air persendirian dinasihatkan untuk menyelenggara mengikut waktu ditetapkan. - Gambar hiasan

lebih zat besi dan mengganggu fungsi organ.

"Apabila berbicara mengenai air tangki kotor, sudah semestinya ia mengandungi kuman. Kewujudan benda asing itu akan menyebabkan pelbagai penyakit bawaan air," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Zainal Ariffin, antara penyakit bawaan air ialah taun, leptospirosis, demam kepalu, hepatitis A, cirit berit, giardiasis dan botulisme.

Katanya, penyakit bawaan itu mengakibatkan seseorang mengalami gejala sakit perut, cirit berit,

muntah, demam dan sakit otot serta cepat letih.

Dalam pada itu, Zainal Ariffin berkata, tangki air yang kotor disebabkan tanah mungkin mengandungi kuman.

"Jika tangki air itu kotor disebabkan adanya organisma lain seperti cacing, ia akan memicu kepada gangguan saluran usus.

"Oleh itu, saya ingin menasihatkan orang ramai yang memiliki tangki simpanan air persendirian untuk menyelenggara mengikut waktu ditetapkan.

"Lebih baik sekiranya pengguna menggunakan penapis air di dalam rumah agar sumber berkenaan selamat dan bersih untuk digunakan," ujarnya.



LAPORAN MUKA DEPAN

LAPORAN KH

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGERI

Hospital Seri Iskandar, Parit Buntar beroperasi hujung tahun ini

IPOH - Hospital baharu Seri Iskandar dan Parit Buntar dijangka akan siap dan mula beroperasi pada penghujung tahun ini.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional negeri, A Sivanesan berkata, kedua-dua hospital yang dilengkapi dengan 320 katil itu bakal memberi manfaat kepada penduduk di daerah Perak Tengah dan Kerian.

"Penghujung tahun ini dua hospital akan dibuka begitu juga dengan Klinik Kesihatan Pangkor. Ini merupakan perkara utama berkaitan kesihatan di Perak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Sambutan 50 Tahun Pusat Pakar Mata LEC yang dirasmikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming di

Persiaran Greenhill, di sini pada Khamis.

Berkaitan isu bantahan pertukaran nama Hospital Parit Buntar, Sivanesan berkata, kerajaan negeri bersetuju agar nama hospital berkenaan dikekalkan berbanding ditukar kepada Hospital Bagan Serai.

"Ramai yang tidak bersetuju pertukaran nama tersebut dan perkara ini telah dibawa ke mesyuarat Exco kerajaan negeri.

"Menerusi mesyuarat itu, semua sebulat suara memutuskan nama Hospital Parit Buntar dikekalkan dan saya juga akan menulis surat kepada Menteri Kesihatan berhubung perkara itu," katanya.

Tambah beliau, Perak kini mempunyai 14 hospital, 88 klinik kesihatan, 126 klinik desa dan empat klinik bergerak.



Sivanesan (dua dari kiri) mengiringi Kor Ming (dua dari kanan) menandatangani plak simbolik merasmikan Sambutan 50 Tahun Pusat Pakar Mata LEC di Ipoh.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Kira-kira 1,000 pembedahan jantung dikatakan tergendala

Dewan bedah Hospital Serdang gagal berfungsi?

Oleh **AHMAD FADHLULLAH
ADNAN**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Empat dewan bedah di bangunan baharu Pusat Jantung di Hospital Sultan Idris Shah, Serdang didakwa gagal berfungsi kerana masalah teknikal.

Sumber yang rapat dengan

pusat jantung berkenaan mendakwa, kira-kira 1,000 prosedur pembedahan jantung tidak dapat dijalankan susulan masalah tersebut.

Dakwanya, aduan sudah banyak kali dibuat kepada pihak bertanggungjawab, namun masih tiada penyelesaian sehingga kini.

Difahamkan, bangunan ba-

haru pusat jantung itu dibina dengan kos RM546 juta dan lengkap dengan dewan bedah hibrid serta peralatan terkini.

Sumber itu mendakwa, masalah turut berpunca daripada pertukaran pengurusan dewan bedah berkenaan yang sepatutnya berada di bawah tanggungjawab pakar bedah jantung, tetapi diambil alih oleh

pakar bius.

"Jadi, petugas terpaksa guna semula bilik bedah di bangunan lama. Namun, kini paling kritikal apabila semua bilik bedah (bangunan lama) sudah tidak boleh digunakan sebab panas (suhu tinggi)" dakwanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia
JUMAAT • 17 MEI 2024

2

Dewan bedah Hospital Serdang gagal berfungsi?

Dari muka 1

Pembedahan jantung adalah kompleks dan berisiko tinggi dengan suhu bilik pembedahan perlu berada antara 15 hingga 19 darjah Celsius bagi mengelak risiko jangkitan kuman semasa prosedur dilakukan.

Mengulas lanjut, sumber itu mengakui, keadaan yang berlaku amat menyedihkan, namun pihaknya tidak dapat berbuat apa-apa terhadap pesakit (yang menunggu giliran untuk pembedahan).

Jelasnya, sebanyak lapan kes pembedahan sehari boleh dilakukan jika keempat-empat dewan bedah itu boleh berfungsi, berbanding hanya tiga kes (jika hanya sebuah dewan bedah beroperasi).

"Sekarang ini, senarai menunggu lebih kurang 1,000 kes. Jika pesakit didiagnos sakit jantung dan perlukan pembedahan, mereka perlu tunggu enam bulan hingga setahun.

"Apa-apa boleh berlaku dalam tempoh itu. Sedangkan, tempoh maksimum menunggu pembedahan sepatutnya hanya tiga hingga enam bulan," dakwanya.

Dalam perkembangan berkaitan, seorang lagi sumber mendakwa, Unit Rawatan Rapi (ICU) pusat itu juga tidak dibuka sepenuhnya, dan hanya lapan daripada 20 Unit Rawatan Koronari (CCU) beroperasi.

"Sebab kita kekurangan hampir 100 jururawat. Bangunan baharu juga hanya buka 80 peratus untuk wad umum. Hari ini ada hampir 20 pesakit 'terdampar' di Jabatan Kecemasan, tak ada katil di wad.

"Purata tempoh menunggu di Jabatan Kecemasan sekitar enam jam hingga tiga hari nak dapat katil. Terutamanya kes tenat, sebab tidak ada katil ICU atau CCU," dakwanya.

Sementara itu, jurucakap Hospital Sultan Idris Shah ketika dihubungi, meminta pertanyaan berkaitan masalah

pusat jantung bertaraf dunia itu kepada Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS).

"Hanya Pengarah Kesihatan Negeri yang akan menjawab pertanyaan tersebut," jelasnya. Sehingga berita ini ditulis, JKNS belum memberikan sebarang respon terhadap e-mel yang dihantar.

Dalam pada itu, seorang pesakit jantung mendakwa, pembedahannya yang dijadualkan 6 April lalu, telah ditangguhkan berulang kali disebabkan ketiadaan dewan bedah dan dewan bedah tidak berfungsi.

Malah dakwanya, seorang pesakit di wad sama yang menunggu giliran, meninggal dunia akibat serangan jantung, sebelum sempat pembedahan dilakukan.

"Saya menggesa Hospital Sultan Idris Shah mengambil tindakan segera dan memberi sokongan kepada pesakit yang menunggu pembedahan," katanya.



HOSPITAL Sultan Idris Shah, Serdang dikatakan mempunyai pusat jantung bertaraf dunia, namun dakwaan dewan bedah tidak berfungsi bakal menjejaskan peranan hospital itu. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Akta kawalan produk rokok dikuat kuasa sepenuhnya Jun ini

Oleh KAMARIAH KHALIDI
utusannews@medianusa.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) akan menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) sepenuhnya mulai bulan depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Akta 852 yang diwartakan pada Februari lalu adalah antara usaha kerajaan mengekang penggunaan produk tembakau serta mengurangkan kemudaran akibat merokok dan produk tembakau termasuk rokok elektronik dan vape.

"Kita harapkan dengan perintah dan peraturan ini kita akan dapat menangani peningkatan rokok elektronik atau vape dalam kalangan orang muda," katanya selepas melancarkan Hasil Penyelidikan Tinjauan Ke-

bangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023: Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) dan Permintaan Jagaan Kesihatan serta Global Adult Tobacco Survey (GATS) Malaysia 2023.

Dr. Dzulkefly berkata, kajian GATS 2023 menunjukkan peningkatan peratus pengguna rokok elektronik atau vape yang amat ketara terutama dalam kalangan orang dewasa yang berusia kurang 50 tahun.

Menurut kajian itu, penggunaan rokok elektronik di Malaysia meningkat sehingga 600 peratus dengan 5.8 peratus pengguna pada tahun lalu berbanding hanya 0.8 peratus pada tahun 2011.

Pengguna rokok elektronik berumur 15 hingga 24 tahun menunjukkan peningkatan drastik daripada 1.1 peratus pada tahun 2011 kepada 8.6 peratus pada tahun lalu.

Selain itu, dwipengguna (tembakau dan rokok elektronik) turut meningkat daripada 0.8 peratus pada 2011 kepada 3.9 peratus pada 2023 iaitu peningkatan hampir 400 peratus.

"Tiga alasan utama penggunaan rokok elektronik kerana ia tersedia dalam perisa yang digemari, persepsi bahawa kurang memudaratkan berbanding menghisap rokok dan mudah dinikmati," menurut kajian itu.

Dapatan GATS 2023 menunjukkan seramai 4.8 juta atau 19 peratus orang dewasa di negara ini adalah perokok tembakau dengan 3.7 juta orang merokok setiap hari.

Jumlah wang yang dibelanjakan secara purata sebulan untuk produk merokok adalah RM178.

Seramai 4,269 responden termasuk di luar bandar mengambil bahagian dalam tinjauan itu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



THE percentages of people with non-communicable diseases such as diabetes, hypertension and high cholesterol have fallen in the past five years. But figures on those who are overweight and obese have risen dramatically. To deal with this, a 'war on sugar' involving the grading of sugary drinks will be waged, says the health minister.

■ Experts warn of grave threat to labour productivity, healthcare system

■ 77.6 per cent of people exposed to tobacco smoke in restaurants

» REPORTS BY HANA NAZ HARUN, FUAD NIZAM AND LUQMAN HAKIM ON PAGES 2 & 3

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS / NATION

FRIDAY, MAY 17, 2024 . NewStraitsTimes

NEWS / Nation

NON-COMMUNICABLE DISEASES

HEALTH MINISTRY TO LAUNCH 'WAR ON SUGAR'

Grading system for sugar content in drinks will be introduced, says Dr Dzulkefly

HANA NAZ HARUN
 AND FUAD NIZAM
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad will soon launch a "war on sugar" in an effort to stem the rise of non-communicable diseases among Malaysians.

The effort, he said, will be done through the grading of beverages according to their sugar content, among others.

"Soon, the Health Ministry will introduce a grading system for sweetened drinks based on the amount of sugar the drinks contain.

"This is similar to (what has been done by) our neighbour across the Causeway, where the level of sugar in drinks is graded A, B, C or D."

Dr Dzulkefly, however, did not specify a timeline for the implementation.

In Singapore, the mandatory nutrition label, called "Nutri-Grade", rates beverages according to their sugar content.

Grade A corresponds to the lowest sugar and saturated fat thresholds, while Grade D contains the highest thresholds.

Malaysia, on July 1, 2019, imposed a 40 sen excise duty per litre on sweetened beverages containing more than 5g of sugar or sugar-based sweetener per 100ml.

Dr Dzulkefly said these measures were necessary, despite reports showing that there had been a decrease in non-communicable diseases, such as diabetes, hypertension and high cholesterol, among Malaysians since 2019.

Based on the 2023 National Health and Morbidity Survey (NHMS) report, the prevalence of diabetes had dropped by 2.7 per cent between 2019 and 2023, while hypertension dropped by 0.8 per cent and high cholesterol



The health minister says the war on sugar is related to reducing the incidence of diabetes and other non-communicable diseases. PIC BY EFFENDY RASHID

decreased by 4.8 per cent in the same time period.

Dr Dzulkefly, however, said data from NHMS 2023 showed that one in two Malaysians were obese and overweight.

The survey had found that 54.4 per cent of Malaysian adults were overweight and obese.

This represents a 10 per cent increase from the 44.5 per cent figure reported in the 2011 NHMS.

"People who are overweight and obese are at risk of Type Two diabetes. They also are at higher risk of having cancer and fatty liver diseases.

"Therefore, the war on sugar is related to reducing the incidence of diabetes and other non-communicable diseases," said Dr Dzulkefly.

The survey highlighted the persistent rise in overweight and obesity cases in the country.

Making matters worse, the NHMS 2023 found that only 4.9 per cent of adults consumed the recommended daily servings of fruit and vegetables, while 29.9 per cent of adults were physically inactive.

The annual NHMS provides insight into the prevalence of diseases and related risk factors among Malaysians.

The 2023 survey, the report of which was unveiled by Dr Dzulkefly yesterday, involved 13,616 Malaysians across all age groups.

He also launched the Global Adult Tobacco Survey Malaysia report.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS / NATION

NATIONAL SURVEYS

54.4PC OVERWEIGHT, OBESE

29.9pc of adults physically inactive, 41pc of smokers don't plan to quit, say reports

HANA NAZ HARUN
AND FUAD NIZAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE 2023 National Health and Morbidity Survey (NHMS) and the Global Adult Tobacco Survey (GATS) Malaysia have painted a grim picture for the country.

The reports, launched by Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yesterday, showed increases in non-communicable diseases (NCDs) and the use of tobacco in Malaysia.

Some 54.4 per cent of Malaysian adults are overweight and obese, the 2023 NHMS found, a 10 per cent increase from the 44.5 per cent figure reported in the 2011 survey.

Making matters worse, the NHMS found that only 4.9 per cent of adults consumed the recommended daily servings of fruit and vegetables, and 29.9 per cent of adults were physically inactive.

The annual NHMS provides insight into the prevalence of diseases and related risk factors among Malaysians.

This year's survey involved 13,616 Malaysians across all age groups.

The survey also showed that



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (centre) showing the 2023 National Health and Morbidity Survey and Global Adult Tobacco Survey Malaysia reports in Putrajaya yesterday. With him are Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan (right) and World Health Organisation representative to Malaysia, Brunei and Singapore Dr Rabindra Abeyasinghe. BERNAMA PIC

more than half a million Malaysian adults, or 2.5 per cent of the population, suffered from all four key NCDs.

Besides obesity, the others are diabetes, hypertension and high cholesterol.

Having all four key NCDs places people at an even higher risk of stroke or heart disease.

Meanwhile, more than two million Malaysians have three of the key NCDs, making them also at risk of stroke and heart disease.

The survey also found that almost 7.5 million adults, or 33.3 per cent of the population, have high cholesterol, 3.6 million (15.6 per cent) have diabetes and 6.7 million (29.2 per cent) suffer from hypertension.

Its findings also revealed a high proportion of undiagnosed diabetes, hypertension and

high cholesterol among younger people.

This, said the Health Ministry, was alarming as undiagnosed NCDs among the younger age groups will cause health complications at an earlier age.

The 2023 NHMS also found that 45.1 per cent of alcohol drinkers in Malaysia engage in binge drinking.

This, it said, marked a troubling trend in the drinking pattern among Malaysians who consume alcohol.

"Harmful alcohol use refers to drinking that causes detrimental health and social consequences for the drinker," the report said.

"Binge drinking, which is a form of harmful drinking, is defined as those who consume six or more standard alcoholic drinks in one sitting."

The 2023 NHMS said among those who drank alcohol in the past 12 months, half drank excessively.

From this, 75 per cent were men. A total of 55 per cent were between the ages of 20 and 39, and 27 per cent do so at least once a week.

However, the survey also recorded a decrease in the prevalence of current alcohol drinkers to 10.4 per cent, compared with 11.8 per cent in 2019.

Meanwhile, the 2023 GATS Malaysia found that some 41 per cent of adult smokers in Malaysia had no plans to quit the habit, while only nine per cent planned to quit within the next month.

Another 13 per cent said they were thinking about quitting smoking within the next 12 months and another 37 per cent said they planned to stop some day.

The survey found that around 4.8 million or 19 per cent of adults in Malaysia smoke, with 3.7 million, or 14.6 per cent, adults smoking daily.

The 2023 GATS Malaysia, a nationally representative survey, involved 5,780 households across all states, with respondents aged 15 years and above, over two months.

Close to 80 per cent of Malaysians were found to have been exposed to tobacco smoke in restaurants, despite a ban on lighting up in eateries.

The survey said among adults in Malaysia who visited public places, 77.6 per cent were exposed to tobacco smoke in restaurants, 29.2 per cent in government buildings, 19 per cent on public

FINDINGS OF NHMS AND GATS 2023



Over half a million, or 2.5% of adults, in Malaysia have 4 non-communicable diseases (NCDs), 2.3 million adults with 3 NCDs.

Malaysians are increasingly overweight and obese, from 44.5% in 2011 to 54.4% in 2023



About 38% of adults in Malaysia are not getting enough sleep



An alarming surge of e-cigarette users from 0.8% in 2011 to 5.8% in 2023

Malaysia has set a target to lower the prevalence of tobacco smoking to 15% or less by 2025, from 23.1% in 2011 and 19% in 2023

INFOGRAPHIC NST

transportation and 18.6 per cent in healthcare facilities.

